DETIK NIAGA

# Rakyat Malaysia wajar pertimbang penyelesaian persaraan fleksibel

14 Feb 2023, 6:55pm




*(Dua dari kanan) Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Asset Management Sdn Bhd Ahmed Muzni Mohamed di majlis pelancaran Dana Maybank Global Wealth Conservative-I di sini, hari ini.*

**Oleh Afrina Romzi**

KUALA LUMPUR: Rakyat Malaysia wajar mempelbagaikan penyelesaian persaraan termasuk pelan fleksibel dalam memastikan kestabilan kewangan pada tahun-tahun akan datang.

ADVERTISING

Ini seperti pelan Dana Maybank Global Wealth Conservative-I yang memberi kemudahan dalam situasi hilang pekerjaan, bersara awal atau berehat sementara daripada bekerja.

Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Asset Management Sdn Bhd Ahmed Muzni Mohamed, berkata pelabur daripada pelbagai segmen berbeza dapat memilih tahap risiko yang ingin diambil, iaitu pertumbuhan, sederhana atau konservatif untuk menentukan perancangan persaraan yang menepati keperluan kehidupan masing-masing.

“Contohnya, walaupun saya belum mencapai umur persaraan, jika saya kehilangan pekerjaan esok, saya perlu membuat pengeluaran daripada pelaburan saya. Jadi saya boleh menukarkannya sebagai contoh daripada kelas sederhana kepada kelas konservatif dan mengambil tujuh peratus setahun untuk membiayai gaya hidup saya,”katanya pada sidang media pelancaran Dana Maybank Global Wealth Conservative-I di sini, hari ini.

Tambah beliau, fleksibiliti seperti ini tidak ditawarkan untuk pelabur seperti di bawah Skim Persaraan Swasta (PRS) dan Pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Get rewarded with new PB Cards

Dana dekumulasi baharu ini bermatlamat memberi pulangan lebih tinggi, di samping memanfaatkan modal untuk menukarkan aset kepada pendapatan secara sistematik.

Wealth Growth-I, dengan Schroders sebagai Penasihat Pelaburan.

## BERITA BERKAITAN




NASIONAL

### [VIDEO] Gempa Bumi Turkiye: 8 rakyat Malaysia di lokasi kejadian selamat

06 Feb 2023, 3:34pm